



## KENYATAAN MEDIA

### **KERJASAMA STRATEGIK ANTARA YAYASAN WAQAF MALAYSIA DAN LC WAKAFUL DIGITAL SDN. BHD**

Kerjasama Strategik Bakal Perkasa Platform Kutipan dan Agihan Wakaf Untuk Manfaat Ummah

---

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan entiti wakaf peringkat Kebangsaan yang sentiasa komited dan proaktif dalam meningkatkan kutipan wakaf tunai serta mengembangkan potensinya.
2. Majlis menandatangani kerjasama strategik antara YWM dan LC Wakaful Digital Sdn. Bhd pada hari ini merupakan simbolik kepada usaha mempelbagaikan platform kutipan wakaf secara digital bagi memudahkan masyarakat melaksanakan wakaf melalui penggunaan platform 'GoBarakah'.
3. Menerusi platform ini, masyarakat boleh berwakaf secara tunai atau membuat sumbangan melalui pembelian e-voucher yang kemudiannya akan diserahkan kepada YWM untuk tujuan agihan. Sebagai permulaan, 'GoBarakah' akan mempromosi kutipan Wakaf Sejuta Al-Quran dengan nilai RM38 setiap naskah dan sumbangan dana kepada Palestin di bawah Tabung Musa'adah JAKIM-YWM.
4. Sesi menandatangani dokumen kerjasama ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM bersama YBrs. Encik Rizal Kamaruzzaman, Pengasas Bersama / Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan LC Wakaful Digital Sdn. Bhd dan disaksikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM.
5. Selain itu, menerusi majlis yang sama turut diadakan penyerahan cek cura kutipan dana untuk Palestin di bawah Tabung Musa'adah JAKIM-YWM daripada:

- a) Aafiyat Group berjumlah RM50,000.00 yang disampaikan oleh Encik Aidil Azwal Zainudin, Presiden Aafiyat Group; dan
  - b) Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (Bahagian Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya) berjumlah RM5,200.00 yang disampaikan oleh ncik Abd. Rais Abd. Rahman, Imam Khalifah Pertubuhan.
6. Semoga usaha ini dapat membantu memperkasakan lagi wakaf di Malaysia di mana hasilnya kelak akan memberi manfaat kepada lebih ramai golongan yang memerlukan.
  7. YB Senator Dato' Setia kemudiannya mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM yang dihadiri oleh semua wakil Majlis Agama Islam Negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**19 Disember 2023**

---

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**